

MALAYSIA KINI NEGARA₂ KETIGA

(K)

Oleh
Zulkiflee Bakar *

PADA awal tahun 1970-an, Malaysia bukanlah sebuah negara yang dikenali di mata dunia, apa yang diketahui terutamanya di negara Barat, negara ini masih mundur dan rakyat hidup dalam primitif.

Namun dalam dekad 90-an, Malaysia membuktikan kepada dunia bahawa negara ini bukan lagi sebuah kawasan yang penuh dengan kemunduran dan kepinangan.

Hasil usaha-usaha gigih yang dilaksanakan oleh kerajaan dan empat Perdana Menteri, Malaysia kini bukan sahaja muncul sebagai sebuah negara membangun tetapi juga pejuang kepada negara-negara ketiga.

Keupayaan pimpinan negara di bawah Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri telah mampu meletakkan negara ini sebaris dengan negara membangun yang lain seperti Singapura, Thailand dan Indonesia.

Tidak keterlaluan jika dikatakan nama Malaysia mula terpapar megah di pa-

pan tanda dunia, sebaik sahaja Dr. Mahathir dilantik menjadi Perdana Menteri.

Sejak itulah, Malaysia semakin lantang dalam memperjuangkan dan memperkatakan isu semasa antarabangsa.

Diiktiraf

Buat permulaan, kewibawaan Malaysia diiktiraf apabila Dr. Mahathir dilantik menjadi Pengerusi Persidangan Dadah Antarabangsa di Vienna, pada akhir tahun 80-an.

Sejak itu bermula, perjuangan Malaysia dalam arena antarabangsa, Malaysia bukan sahaja dianggap sebagai sebuah negara yang berjuang untuk negaranya sendiri tetapi juga untuk negara dunia ketiga.

Bagaimanapun, kemunculan Malaysia yang dianggap negara dunia Islam pertama bersuara lantang tidak begitu digemari oleh beberapa negara Barat terutamanya Amerika Syarikat dan Australia.

Pelbagai tohmahan dilakukan kepada kerajaan nega-

ra ini bagi menjejaskan pandangan dunia terhadap Malaysia.

Antara isu yang kerap dimainkan termasuklah kononnya Malaysia tidak mengamalkan demokrasi dan bertindak kejam terhadap pendatang haram Vietnam.

Namun sebagai sebuah negara yang baru membangun bukan sahaja dari segi material tetapi mental, kerajaan tetap bersabar dan menangkis serangan itu satu demi satu.

Bagaimanapun, dekad 90-an dianggap detik paling mencabar bagi negara ini.

Isu pertama yang dijadikan sasaran oleh negara-negara maju ialah cadangan Penubuhan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang dilahirkan oleh Perdana Menteri.

Walaupun Dr. Mahathir menegaskan, EAEC tidak akan menjadi mana-mana blok perdagangan dan ekonomi namun ini tetap tidak memuaskan hati negara Barat terutamanya Amerika yang menyifatkan penubuhan itu tidak akan berjaya tanpa penyertaannya.

Bagi Malaysia, EAEC perlu sebagai asas yang kuat bagi membolehkan ASEAN

TERIKENAL PEJUANG

berhadapan dengan hal-hal yang tidak dijangka di persekitaran Asia Pasifik yang luas.

Ketegasan Malaysia yang tetap akan melaksanakan EAEC dengan sokongan ne-

gara ASEAN yang lain telah disifatkan oleh pemimpin luar bahawa pejuang dunia ketiga sudah muncul.

Malaysia kemudiannya mengorak langkah setapak lagi dengan menyuarakan

rasa tidak puashati terhadap penindasan yang cuba dilakukan oleh negara-negara maju (Utara) terhadap negara-negara membangun (Selatan).

Perdana Menteri dalam

ucapannya di Sidang Kemuncak Kedua Kumpulan 15 (K 15) di Caracas, Venezuela pada November 1991 berkata, orde sokongan dunia patut melihat cara-cara untuk mengubah semula arah aliran masa kini yang tidak sihat supaya negara membangun dapat berkongsi kekayaan di dunia ini.

Katanya, sebarang penyelesaian tidak semestinya dilakukan oleh Selatan sahaja tetapi Utara juga harus mengubahsuai kerana amnya negara Utara akan menerima faedah daripada kesejahteraan Selatan.

Mengejutkan

Dalam Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, sekali lagi Malaysia mengejutkan para perwakilan, apabila bercakap dengan lantang berhubung dengan orde baru dunia.

Dr. Mahathir berkata, demokrasi yang bakal dibentuk haruslah tidak ditentukan oleh seorang 'ulama' sahaja dan memaksa orang lain menerima kata mereka.

Dalam perjuangan Malaysia di Komanwel pula, Malaysia terus memainkan peranan yang penting.

Dalam Persidangan Komanwel di Kuala Lumpur pada tahun 1989, Dr. Mahathir telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penilaian Peringkat Tertinggi (HLAG).

HLAG mempunyai peranan untuk membincangkan arah baru Komanwel selaras dengan suasana dunia menuju orde baru sekarang.

Ketika persidangan yang sama di Harare, Zimbabwe, peranan Malaysia terus diiktiraf apabila Dr. Mahathir dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa 11 untuk menjalankan usaha untuk mengenalpasti lain-lain hal bagi membantu menyelesaikan masalah di Afrika Selatan.

Pemilihan Malaysia ini berdasarkan kepada perjuangan negara ini yang sejak sekian lama begitu lantang dan tegas dalam memperjuangkan serta mengancam dasar Aparteid di Afrika Selatan.

lak cadangan negara-negara maju supaya menerima Tabung Kemudahan Alam Sekitar Sedunia yang diuruskan oleh Bank Dunia.

Selain daripada ingin mengetahui apakah yang dicapai di Kuala Lumpur, pemimpin-pemimpin dunia lain terutama negara maju juga seolah-olah begitu berminat untuk mengetahui sama ada Malaysia akan menyertai Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro atau tidak.

Ternyata, walaupun Malaysia sering menjadi sasaran negara-negara maju berhubung isu hutan tropika namun Malaysia tetap tegas dan membuat keputusan ke Rio.

Keputusan ini disambut dengan penuh kelegaan bagi dunia ketiga kerana ia memberi harapan kepada mereka untuk menangkis serangan negara-negara maju melalui kelantangan Malaysia.

Pertahankan

Dr. Mahathir berkata, keputusan itu dibuat untuk mempertahankan dan mengutarakan apa yang dicapai di persidangan di Kuala Lumpur.

Sebelum ini, Malaysia telah membuat keputusan tidak akan ke Rio jika ia menjadi 'medan' kepada negara maju untuk menghenyam negara membangun.

Dari segi ekonomi dan perdagangan pula, Malaysia menjadi tumpuan pelabur-pelabur asing sama ada dari Barat atau Timur untuk mengadakan pelaburan di negara ini.

Bank Pembangunan Asia (ADB) yang beribu pejabat di Manila dalam laporan tahunannya berkata, Malaysia akan memperolehi pertumbuhan ekonomi (GDP) tahun ini sebanyak 8.5 peratus dan ini bermakna negara ini akan muncul sebagai negara yang mencapai GDP paling tinggi sekali di dunia.

Peluang ③

Bagi membuka peluang yang lebih luas dan seterusnya memperkenalkan lagi Malaysia di Amerika Selatan, satu rombongan yang diketuai oleh Perdana Menteri telah melawat ke tiga buah negara iaitu Chile, Argentina dan Brazil mulai 19 Jun 3 Julai 1991.

Dalam rangka lawatan itu, Malaysia telah berjaya menjalin hubungan yang lebih akrab negara-negara tersebut bukan sahaja dari segi politik tetapi juga ekonomi.

Dalam lawatan Perdana Menteri ke negara-negara Afrika, Malaysia disifatkan oleh Tanzania sebagai sahabat sejati dalam perjuangan bagi keadilan sosial dan ekonomi antarabangsa.

Pada tahun ini, perhatian dunia sekali lagi tertumpu kepada Malaysia, apabila kerajaan negara ini menganjurkan Persidangan Kedua Peringkat Menteri Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan di Kuala Lumpur.

Persidangan yang disertai oleh 55 buah negara ini sangat penting bagi menentukan pendirian negara-negara Selatan dalam Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro yang kini sedang berlangsung.

Dalam persidangan itu Deklarasi Kuala Lumpur telah dicapai antara lain meno-

Pencapaian paling mem-berangsangkan dari segi teknologi pula ialah mencipta set telefon poket yang tunggal di dunia di bawah jenama Sapura.

Set telefon ini boleh menghubungi semua jenis perhubungan termasuk antarabangsa.

Pelancongan

Dari segi pelancongan, Malaysia turut menjadi tumpuan, ini terbukti melalui jumlah pelancong yang melawat Malaysia pada tahun 1990 iaitu 7 juta dan jumlah ini akan meningkat kepada 18 juta menjelang tahun 2000.

Malaysia juga telah memasuki industri pembuatan dan pengeksporan dengan kadar yang berbeza dalam pelbagai bidang seperti elektrik dan mekanik.

Kini Malaysia bukan sahaja dikenali sebagai pejuang dunia ketiga malah sedang mengorak langkah untuk mencapai negara maju melalui Wawasan 2020 dan tidak mustahil jika kelantangan dan usaha gigih yang ada sekarang dikekalkan, negara ini suatu hari kelak akan berada di mata dunia sebaris dengan Jepun dan negara maju yang lain.